

# Album Hari Ini



## BAKAL DUTA, PESURUHJAYA BERSAMA SERI PADUKA

**YANG** di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (sebelas dari kiri) dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah (sebelas dari kanan) berkenan bergambar kenangan bersama bakal Duta dan Pesuruhjaya Tinggi sempena Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan bakal Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia ke Luar Negara di Istana Negara, Kuala Lumpur.

# Agong terima watikah pelantikan duta, pesuruhjaya tinggi asing

**KUALA LUMPUR 7 Jan.-** Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menerima watikah pelantikan empat duta besar dan pesuruhjaya tinggi asing di Malaysia di Istana Negara di sini.

Empat wakil asing itu ialah Essa Mohammed Al-Mannai dari Qatar, Ugur Dogan (Turki), T.S. Tirumurti (India) dan Dr. Nirnan Man Singh Basnyat dari Nepal.

Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah

Haminah kemudian menerima menghadap keempat-empat ketua perwakilan asing itu.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Othman Hashim.

Essa Mohammed, 39, pernah berkhidmat sebagai timbalan ketua misi Kedutaan Qatar di Washington sebelum menjadi pembantu menteri luar Qatar pada 2012.

Dogan, 59, mempunyai pengalaman lebih 20 tahun berkhidmat

dalam bidang diplomatik dan merupakan duta negaranya di The Hague, Belanda sejak Ogos 2009 sebelum ke Kuala Lumpur.

Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Tirumurti, 51, pula pernah bertugas sebagai setiausaha kedua di Kedutaan India di Mesir serta berpengalaman berkhidmat di Kedutaan India di Washington dan Jakarta.

Wakil Nepal, Dr. Nirnan Man, 58, yang pertama kali dilantik sebagai duta merupakan lulusan dok-

tor falsafah dalam bidang hubungan antarabangsa dan diplomasi.

Beliau berkhidmat sebagai ketua protokol di Kementerian Luar Nepal sebelum pelantikan baharu ini.

Sementara itu, Tuanku Abdul Halim turut berkenan menyerahkan watikah pelantikan kepada lapan bakal duta besar Malaysia ke luar negara.

Mereka ialah Datuk Ahmad Rasidi Hazizi yang akan bertugas di United Kingdom; Amran Mohamed Zin (Turki); Datuk Mohd Zulkepli

Mohd Noor (Switzerland); Kennedy Jawan (Sepanyol); Datuk Hidayat Abdul Hamid (Kazakhstan); Lim Juay Jin (Nigeria); Nadzirah Osman (Republik Czech); dan Sharrina Abdullah yang akan ke Senegal.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, sebelum pelantikan baharu ini, Ahmad Rasidi ialah Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan, Amran ialah Setiausaha bahagian Asia Tenggara I Kementerian Luar, manakala Mohd Zulkepli merupakan Duta Besar Malaysia ke Turkmenis-

tan. Kennedy Jawan pula adalah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan, Hidayat ialah Timbalan Ketua Pengarah Pusat Serantau Asia Tenggara bagi mencegah keganasan (SEARCC), dan Lim memegang jawatan Pengarah Latihan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Nadzirah sebelum ini ialah Setiausaha bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Luar manakala Sharrina, Setiausaha bahagian Asia Selatan dan Asia Tengah Kementerian Luar. - **BERNAMA**